

# Keputusan panggil PM ditentukan Jumaat

UM 19 APR 2000

KUALA LUMPUR 18 April — Mahkamah Tinggi akan memutuskan pada Jumaat ini untuk menentukan sama ada relevan untuk memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang mengendalikannya perbicaraan itu berkata, beliau memerlukan masa untuk membuat pertimbangan kerana terdapat banyak isu yang ditimbulkan dalam hujah peguam bela dan pendakwa.

Terdahulu, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail berhujah balas membantah permohonan bekas Timbalan Perdana Menteri itu dan adiknya angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat yang ingin memanggil Dr. Mahathir sebagai saksi.

Anwar dan Sukma menghadapi tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar.

Gani berkata, pihaknya mempersoalkan sebab pembela memanggil Perdana Menteri untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu.

Beliau berhujah bahawa tujuan tertuduh (Anwar dan Sukma) ingin memanggil Perdana Menteri semata-mata dengan niat yang lain dan bukan hendak membuat pembelaan secara betul.

Menurut pendakwa raya

itu, mahkamah telah menyaksikan banyak perkara yang tidak relevan termasuk pelbagai dakwaan pembela yang tiada kaitan langsung dengan kes tersebut.

Gani berhujah bahawa semua dakwaan yang dikaitkan untuk memanggil Perdana Menteri adalah tidak berasas dan relevan.

Beliau berkata, sungguh bahaya jika mahkamah membenarkan ia digunakan sebagai forum politik bagi tertuduh atau sesiapa sahaja yang ingin meluahkan kekecewaannya kerana kerjaya politik tanpa mengendahkan proses undang-undang.

“Kami memohon mahkamah agar tidak membiarkan penyalahgunaan proses perbicaraan dan mesti mengekalkan integritinya dan tidak membenarkan mana-mana pihak yang mungkin menggunakan mahkamah bagi tujuan lain, selain mencari keadilan,” tegas Gani.

Berdasarkan afidavit, tambah Gani, pihak pembela gagal untuk menunjukkan sebarang elemen relevan yang mereka ingin kemukakan melalui Perdana Menteri di mahkamah.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh menjawab hujah balas pendakwa dengan menyatakan pihaknya ingin memanggil Dr. Mahathir adalah relevan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 136 Akta Keterangan.

Karpal berkata, terdapat

dalam rekod bahawa Dr. Mahathir berulang menyebut bahawa beliau bersedia datang ke mahkamah untuk memberi keterangan dan malah baru-baru ini disebut dalam perkara itu di Havana.

Katanya, sapina telah diserahkan kepada Perdana Menteri dan beliau tidak memohon untuk mengetepikannya sebagaimana yang dibuat oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Di peringkat ini, Hakim Ariffin mencelah sambil menjelaskan mahkamah telah membuat keputusan bahawa Perdana Menteri tidak perlu mengetepikan sapina.

Beliau menegaskan, permasalahannya adalah sama ada keterangan Perdana Menteri relevan ataupun sebaliknya dalam kes itu.

Namun dalam hujah jawabannya, Karpal berkata, ia bukan soal mengenai penyalahgunaan mahkamah tetapi motif atau niat baik (bona fide) pihak pembela telah dipersoalkan.

Karpal menyatakan mahkamah telah diingatkan oleh pendakwa mengenai integritinya tetapi pembela melangkah lebih daripada itu bagi mengingatkan mahkamah berkenaan bahawa keyakinan pihak awam mungkin hilang jika permohonan tersebut tidak dibenarkan.

Perbicaraan bersambung esok.